

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 28

Syor penyenaaran IPO Petronas perlu diteliti

Tidak seharusnya
libatkan perkara yang
termaktub dalam
Akta PDA 1974

PUTRAJAYA

Sebarang langkah atau keperluan untuk menyenaraikan tawaran awam permulaan (IPO) Petrolim Nasional Bhd (Petronas) perlu diteliti dan tidak seharusnya melibatkan perkara-perkara yang telah termaktub dalam Akta Perdagangan Petroleum (PDA) 1974.

Ketika menegaskan perkara itu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, ini berikutan terdapat beberapa perkara khusus dalam akta tersebut seperti fungsi Petronas dalam menjaga, mentadbir dan mengawal selia sumber hidrokarbon dalam negara ini.

"Sebab itu, saya lihat sebelum ini apabila Petronas menyenaraikan

perniagaannya, apa yang disenaraikan adalah perkara-perkara yang tidak menyentuh bidang kuasa serta bidang tugas khusus dalam Akta PDA 1974.



RAFIZI

"Jadi perkara itu akan terus diperhalusi jika ada keperluan dan pilihannya. Namun semua ini adalah dalam bidang kuasa Menteri Kewangan," katanya pada sidang media mengenai Prestasi Ekonomi Malaysia dan Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar 2022 di sini pada Rabu.

Mengulas selanjutnya, Rafizi berkata, sebagai individu yang pernah berkhidmat di Petronas, beliau melihat syarikat minyak dan gas negara itu mempunyai kedudukan unik yang perlu

diambil kira sejajar dengan peranan organisasi itu sebagai pihak pengawal selia sumber hidrokarbon di Malaysia.

"Oleh itu, ini menyamai (sebagai contohnya) seperti menswastakan Jabatan Perhutanan," katanya.

Beliau mengulas saranan Ahli Parlimen (PH-Subang), Wong Chen semalam agar kerajaan mengkaji kemungkinan untuk menyenaraikan IPO Petronas sebagai antara kaedah mengumpul dana membantu mengurangkan hutang negara.

Wong Chen berkata, langkah itu akan membantu dari segi memberi suntikan tunai yang besar bagi mengurangkan hutang negara, menyediakan lebih ketelusan kewangan dan tadbir urus yang lebih baik kepada syarikat minyak dan gas negara, sekali gus meningkatkan hasil fiskal keseluruhan bagi kerajaan. - Bernama

Syor penyenaaran IPO Petronas perlu diteliti



Petronas adalah syarikat minyak dan gas negara yang mempunyai kedudukan unik yang perlu diambil kira perannya terhadap ekonomi dan negara.